

HARI : **JUMAAT**  
TARIKH : **26/7/2019**  
M/SURAT : **22**

## **Hukuman berat menanti penjual ghost smoke**

**ALOR SETAR** 25 Julai - Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) memberi amaran kepada peniaga agar tidak menjual gula-gula *ghost smoke* terutama dalam kalangan pelajar sekolah atau mereka akan dikenakan hukuman berat jika didapati melanggar undang-undang.

Menterinya, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail berkata, pihaknya memandang serius isu itu dan mana-mana penjual boleh dikenakan denda sehingga mencecah ratusan ribu ringgit atau hukuman penjara jika didapati melanggar Akta Perihal Dagangan 2011.

"Kita sedang lipat gandakan pemantauan dan beri tugas tambahan kepada penguatkuasa untuk lihat *ghost smoke* ini, jadi saya nasihatkan peniaga jangan jual sebab benda yang dijual tu murah, tapi hukuman sangat berat," katanya kepada pemberita selepas majlis Penyampaian Watikah Penyelaras Kepenggunaan Parlimen (PKP) Zon Utara di sini, hari ini.